

06 AUG 1996

KIRA-KIRA 10,000 ORANG DIJANGKA SAMBUT PM DI SIBU ESOK

KUCHING, 6 Ogos (Bernama) -- Kira-kira 10,000 orang dari pelbagai lapisan rakyat dijangka menyambut ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Sibu esok bagi mengadakan lawatan tiga hari ke negeri ini.

Perdana Menteri, yang dijangka tiba kira-kira pukul 5 petang, akan disambut Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, menteri-menteri negeri dan persekutuan serta ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri.

Dr Mahathir akan menghadiri satu majlis makan malam yang bakal dihadiri semua kaum di bandar kedua terbesar di negeri Sarawak itu.

Keesokan harinya, Perdana Menteri akan berlepas ke Mukah di mana beliau dijangka disambut oleh kira-kira 16,000 rakyat di Lapangan Terbang Mukah.

Selain melancarkan program Gerakan Mesra, Dr Mahathir juga dijangka menyaksikan majlis menandatangani perjanjian bagi pembinaan bandar baru Mukah.

Beliau akan berlepas pulang ke Sibu sebaik selesai program itu dan meneruskan perjalanan ke sini bagi merasmikan kilang Komag USA (Malaysia) Sdn Bhd, di Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya.

Perdana Menteri dijangka menghadiri jamuan malam pada sebelah malam sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah pagi 9 Ogos.

-- BERNAMA

AHM AHH